



KENYATAAN MEDIA
30 MEI 2024

ASEAN Power Grid - Agenda Utama Suruhanjaya Tenaga Sebagai Pengerusi ASEAN Energy Regulators Network Selari Dengan Agenda Peralihan Tenaga di kalangan Negara ASEAN

Putrajaya, 30 Mei 2024 – Suruhanjaya Tenaga (ST) selaku Pengerusi *ASEAN Energy Regulator Network* (AERN) telah mempengerusikan mesyuarat bersama Badan-badan Kawal Selia di dalam ASEAN yang kelima belas atau lebih dikenali sebagai *Fifteenth ASEAN Energy Regulator Network* (15th AERN).

Dalam menggalas tanggungjawab ini, Suruhanjaya Tenaga telah memberi penekanan ke atas pelaksanaan ASEAN Power Grid (APG) sebagai agenda utama AERN. Ini memandangkan, APG merupakan antara faktor kejayaan utama bagi pelaksanaan peralihan tenaga di kalangan negara-negara ASEAN yang sedang menjadi keutamaan ketika ini.

Malaysia telah diberikan tanggungjawab sebagai Pengerusi AERN bagi tempoh dua (2) tahun bermula 2024 hingga 2025. Mesyuarat 15th AERN ini telah diadakan sepanjang tempoh tiga (3) hari iaitu daripada 28 hingga 30 Mei 2024, bertujuan untuk:

- i. mengukuhkan kerjasama antara negara-negara anggota ASEAN dalam bidang pengawalseliaan tenaga;
- ii. membangunkan kerangka kerja bagi pelaksanaan *ASEAN Power Grid* (APG);
- iii. membincangkan perkembangan dan pelan tindakan untuk pasca-2025 dalam *ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation* (APAEC); dan

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

- iv. meningkatkan kerjasama dengan rakan dialog dan organisasi antarabangsa mengenai projek dan inisiatif yang berkaitan dengan tenaga.

Selain itu, *AERN – ESCAP – IEA/RETA Workshop on ASEAN Power Grid/Multilateral Power Trade (APG/MPT) Regulation* dan *AERN – Australia Workshop on Renewable Energy Regulation* turut dilaksanakan.

Untuk makluman lanjut berkenaan perkara ini, sila layari laman sesawang ST di www.st.gov.my atau hubungi kami di talian 03-8870 8500.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011-28866271 (Hazwani) / 018-3822545 (Harith)

Emel: veliana@st.gov.my / noorhazwani@st.gov.my / harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.